

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Januari 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Kemalangan Diri Auto Guard?

Insurans Kemalangan Diri Auto Guard memberikan perlindungan selama 24 jam di seluruh dunia untuk pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian disebabkan semata-mata oleh kejadian tidak disengajakan, luar jangkaan dan secara kebetulan kepada pemilik berdaftar, pemandu dinamakan dan/atau penumpang semasa memandu, menunggang, manaiki atau turun dari kenderaan yang dinamakan di dalam polisi.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan bayaran sebanyak RM200.00 setahun (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan) di bawah Kenderaan Perdagangan Pelan CV1, anda akan mendapat perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
- Kematian akibat kemalangan – RM20,000 - Hilang upaya kekal – sehingga RM20,000 - Perbelanjaan perubatan – sehingga RM500 - Elaun perkabungan – RM1,500 - Kos ambulans – sehingga RM250	- Risiko peperangan - Risiko nuklear - Bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan - Sebarang bentuk penyakit - HIV/AIDS - Sebarang bentuk jangkitan parasit - Kelahiran anak, keguguran dan kehamilan - Kecacatan fizikal atau mental yang sedia ada atau kelemahan badan - Pembunuhan atau serangan disebabkan provokasi - Penerbangan, selain daripada menaiki pesawat berlesen sebagai penumpang yang membayar tambang - Melakukan tindakan jenayah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang - Di bawah pengaruh alkohol atau dadah - Sukan profesional - Sukan berbahaya - Tanpa lesen memandu yang sah - Pekerjaan yang melibatkan aktiviti berisiko tinggi - Kenderaan digunakan untuk kegiatan menyalahi undang-undang sebagai pengangkutan umum yang tidak berlesen <i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i>

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Kemalangan Diri Auto Guard ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM200.00 setahun
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM200.00.	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00
Komisen	10% daripada premium atau RM20.00 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM16.00

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Anda perlu membayar premium penuh sebelum perlindungan di bawah Polisi ini berkuatkuasa.
- Kelayakan: Pada tarikh kuat kuasa perlindungan ini, pemilik berdaftar, nama diinsuranskan dan pemandu yang diberi kuasa:
 - (i) bagi Kereta Persendirian mestilah berumur antara 18 hingga 70 tahun.
 - (ii) bagi Kenderaan Perdagangan mestilah berumur antara 18 hingga 65 tahun.
 - (iii) mestilah menjadi pemastautin tetap di Malaysia dan Singapura selama sekurang-kurangnya 40 minggu dalam mana-mana tempoh 52 minggu selagi perlindungan masih berkuat kuasa.
- Jumlah diinsuranskan untuk semua manfaat di atas adalah terpakai untuk tempoh insurans.
- Manfaat Kematian akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal hanya boleh dibayar sekiranya ditanggung dalam masa 12 bulan terjadinya kecederaan badan disebabkan kemalangan.
- Kesemua peratusan agregat yang dibayar termasuk kematian berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan untuk manfaat di bawah manfaat Kematian akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal tidak boleh melebihi 100%. Sekiranya jumlah 100% telah dibayar semasa tempoh polisi ini, maka kesemua insurans di bawah ini hendaklah ditamatkan serta-merta. Segala kerugian lain yang kurang daripada 100% sekiranya telah dibayar akan mengurangkan perlindungan di bawah manfaat Kematian akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal untuk amaun sedemikian dari tarikh kemalangan sehingga tamat tempoh polisi.
- Kanak-kanak di bawah umur 10 tahun hanya berhak ke atas 50% daripada manfaat di bawah manfaat Kematian akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal.
- Tiada had umur untuk penumpang yang menaiki dalam kenderaan itu.
- Bagi manfaat di bawah manfaat Kematian akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal, sekiranya bilangan sebenar penumpang di dalam kenderaan melebihi 3 untuk Kenderaan Perdagangan atau 6 untuk Kereta Persendirian:
 - (a) Sekiranya Pemandu yang Diberi Kuasa adalah Anda dan/atau Pemilik Berdaftar, potongan pertama akan menjadi jumlah yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Anda dan/atau Pemilik Berdaftar. Baki jumlah yang diinsuranskan akan dikongsi bersama oleh semua penumpang yang berumur 10 tahun dan ke atas dengan pelarasan dibuat untuk kanak-kanak di bawah umur 10 tahun.
 - (b) Sekiranya Pemandu yang Diberi Kuasa bukan Anda dan/atau Pemilik Berdaftar, jumlah yang diinsuranskan akan dikongsi bersama oleh semua penumpang yang berumur 10 tahun dan ke atas dengan pelarasan dibuat untuk kanak-kanak di bawah umur 10 tahun.
- Bagi manfaat di bawah manfaat Kematian akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal, sekiranya bilangan sebenar penumpang di dalam kenderaan adalah kurang daripada 3 penumpang untuk Kenderaan Perdagangan atau 6 untuk Kenderaan Persendirian, maka jumlah yang diinsuranskan bagi setiap penumpang yang berumur melebihi 10 tahun adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi dengan pelarasan dibuat untuk kanak-kanak di bawah umur 10 tahun.
- Notis bertulis tentang sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan hendaklah dikemukakan kepada kami secepat yang mungkin sewajarnya dan dalam apa jua keadaan tidak lewat daripada 14 hari selepas kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda berhak untuk membatalkan Polisi ini bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Anda layak mendapat bayaran balik premium selepas Syarikat menolak kadar jangka pendek yang lazim. Tiada bayaran balik premium untuk sebarang pembatalan Polisi jika premium dikenakan pada premium minimum.

Kami boleh pada bila-bila masa membatalkan Polisi ini dengan menghantar notis tempoh 14 hari secara bertulis kepada alamat terakhir Anda dan akan mengembalikan premium pro rata bersamaan dengan tempoh insurans yang belum luput.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)
Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

- (a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK
- (b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

Lampiran

Jadual Manfaat dan Premium

SEK.	MANFAAT	JUMLAH DIINSURANSKAN TAHUNAN (RM)		
		Kereta Persendirian		Kenderaan Perdagangan
		Pelan PC1	Pelan PC2	Pelan CV1
1.	Kematian dan/atau Hilang Upaya Kekal	20,000	30,000	20,000
2.	Perbelanjaan Perubatan	1,000	2,000	500
3.	Elaun Perkabungan	1,500	1,500	1,500
4.	Kos Ambulans	250	500	250
Perlindungan maksima semasa tuntutan		140,000	210,000	80,000
Premium (RM) (Tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan)		80.00	120.00	200.00